

04 SEP 1999

Muhyiddin-Alexander

KERAJAAN BERHARAP PETRONAS SERAP ALEX DALAM PASUKAN F1

KUALA LUMPUR, 4 Sept (Bernama) -- Kerajaan akan meminta Petronas menyerap pelumba harapan negara, Alexander Yoong ke dalam pasukan Formula One Red Bull Sauber Petronas.

Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata beliau telah bercakap dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai perkara ini, tiga minggu lepas.

"Permintaan kita telah dibuat melalui Perdana Menteri dan berharap Petronas akan menimbangkannya," kata beliau selepas pelancaran Karnival Sukan Untuk Semua (Kesuma) oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, di Kompleks Sukan Nasional, di sini, hari ini.

Muhyiddin berkata ada kemungkinan senarai pemandu pasukan Red Bull Sauber Petronas dirombak dan Petronas, yang menjadi salah satu penaja pasukan, mungkin menimbang untuk memberi peluang kepada Alexander berlumba dalam perlumbaan Formula One.

"Mungkin ini bukan masa yang sesuai, tetapi dalam masa dua tahun lagi Alexander mungkin sudah bersedia," kata beliau.

Muhyiddin berkata ia memerlukan kira-kira RM14 juta untuk membolehkan Alexander, yang kini bertanding dalam kejohanan F3000 di Eropah, untuk menyiapkan diri dan bertanding dalam beberapa perlumbaan bagi mencapai sasaran menyertai perlumbaan Formula One tahun 2001.

"Ia satu jumlah yang besar dan hanya melalui penaja besar sahaja, seperti Petronas, sasaran itu akan dapat beliau kecapi," kata beliau.

Pada bulan April lepas, kerajaan telah memberi sumbangan sebanyak RM150,000 kepada Alexander dan kini membantu beliau mendapatkan penaja lain.

Mengenai laporan akhbar hari ini berlaku tindakan kurang berdisiplin di kalangan pemain badminton di asrama Akademi Badminton, dan jurulatih kebangsaan Chen Changjie telah meletakkan jawatan, Muhyiddin berkata Persatuan Badminton Malaysia (BAM) perlu menyiasat dan menyelesaikan masalah tersebut.

"Saya tidak mahu komen...biar BAM menyiasat dan mengambil tindakan kerana ia masalah dalaman," kata beliau.

Laporan itu menyebut para pemain telah berjudi di asrama setiap malam manakala beberapa pemain membawa teman wanita ke dalam bilik mereka.

Muhyiddin berkata apa yang lebih penting sekarang ialah BAM, jurulatih dan pemain menyiapkan diri untuk dua kejohanan besar tahun depan -- Piala Thomas dan Uber dan Sukan Olimpik.

Menteri itu berkata beliau telah menemui presiden BAM Datuk Dr Abdullah Fadzil Che Wan, setiausaha Datuk Mohammed Al-Amin Majid dan Ketua Pengarah MSN, Datuk Mazlan Ahmad semalam untuk berbincang mengenai persiapan Malaysia untuk kedua-dua kejohanan itu.

"Ini adalah dua kejohanan penting dan kita menjangka mampu memperolehi keputusan yang baik. BAM dan MSN akan melancarkan program khas tidak lama lagi sebagai persediaan kepada kedua-dua acara ini," kata beliau.

Muhyiddin juga berkata beliau telah bersetuju dengan langkah BAM untuk mengambil bekas jaguh beregu Korea Selatan Park Joo Bong sebagai jurulatih dan satu perjanjian mengenainya akan ditandatangani bulan depan.

-- BERNAMA

AR zb